

Akar 'lemas' kurangkan kestabilan pokok

Kuala Lumpur: Akar pokok 'lemas' akibat kerja pembinaan agresif di kawasan berhampiran boleh menjadi punca tragedi pokok tumbang mendadak.

Pakar arborist atau penyelenggaraan pokok bertauliah, Mohd Kamil Ismail berkata, tidak dinafikan antara faktor utama kegagalan fungsi pada pokok untuk tumbang akibat pengaruh cuaca atau angin kuat.

Katanya, struktur pokok tidak seimbang antara bahagian atas pokok terutamanya kanopi daun tidak sepadan keluasan akar boleh menjadi punca pokok tumbang.

"Pokok besar yang memiliki kanopi daun lebar menjadikan kekangan akar pokok untuk berdiri stabil.

"Ini ditambah apabila akar pokok berkenaan banyak dipotong atau pernah cedera namun tidak dirawat. Ini boleh mengurangkan kadar sauh akar sekali gus menjurus kepada kejadian pokok tumbang," katanya.

Kamil berkata, kerja pembinaan dan menaik taraf di sesuatu kawasan mengakibatkan gangguan kesihatan pada pokok untuk tumbuh dengan baik.

"Berlaku kepadatan tanah pada pokok, menyebabkan akar lemas sekali gus mendatangkan gangguan pada struktur akar.

"Aktiviti di atas kawasan akar pokok seperti pembinaan laluan pejalan kaki dan tempat letak kenderaan turut menyumbang kepada kegagalan fungsi struktur pokok itu.

"Situasi ini menyukarkan kawasan akar pokok berkembang dan membesar, menjadikan ia bergulung



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang serta menyediakan panduan baharu dengan memberi fokus pokok berusia dan berisiko tinggi ketika tinjauan di sekitar ibu kota.

dan berpusing sesama sendiri," katanya.

Katanya, mahkota pokok terlalu lebar (abundance of crown) iaitu daun berat dan besar meningkatkan kadar rintangan angin.

"Apabila pokok tidak diselenggara dengan baik, ia menghalang rintangan laluan angin ke atas daunnya.

"Ditambah dengan struktur akar lemah dan tidak sihat, mengakibatkan ia lebih mudah tumbang," katanya.

Katanya, teknik gying iaitu meletakkan tiang atau besi pada batang pokok mampu memberi sokongan dan menahan kedudukan pokok.

"Kaedah ini boleh digunakan pada dahan (scaffold) pokok yang senget dan tidak seimbang.

"Namun, ia perlu mengikut kesesuaian dan kesihatan pokok sebelum melakukan teknik itu," katanya.

Katanya, aktiviti cantasan pokok (tuning) perlu dilaksana secara berkala untuk memberi laluan angin selain membuang ranting pokok mati.

"Ranting pokok mati di atas pokok sangat bahaya.

"Faktor seperti ketinggian dan saiz ranting yang jatuh pada mana-mana harta awam atau individu boleh mendatangkan kecederaan atau kemalangan jiwa," katanya.

Dalam kejadian 7 Mei lalu, seorang pemandu kereta, Md Rizal Atan, 47, maut apabila ditimpa pokok besar tumbang di Jalan Sultan Ismail di sini.